



28 FEB, 2026

Ruangan Gen z paling banyak pelekat

Harian Metro, Malaysia



BALAI ISLAM TNB BANGSAR SEDIA PAPAN UNDIAN INTERAKTIF

Ruangan Gen Z paling banyak pelekat

Kuala Lumpur: Balai Islam Tenaga Nasional Berhad (TNB) Bangsar tampil dengan idea luar kotak apabila menyediakan sebuah papan undian interaktif bagi melihat sendiri gelombang generasi mana yang paling ramai hadir.

Papan bertajuk Gen Mana Yang Ramai Datang Balai Islam? itu menjadi tumpuan apabila dipenuhi dengan ratusan pelekat berwarna merah, sekali gus menjadi bukti visual betapa kuatnya pengaruh golongan muda di Balai Islam

Tenaga Nasional Berhad.

Tinjauan mendapati ruangan Gen Z (14 - 29 tahun) paling padat dengan pelekat, meninggalkan jauh kategori usia lain, sekali gus mematahkan persepsi anak muda lebih gemar menghabiskan waktu dan masjid hanya relevan kepada golongan veteran.

Ketua Hal Ehwal Agama Islam TNB, Mohamad Nor Azali Lajin, 58, berkata, inisiatif itu secara tidak langsung menunjukkan bahawa hampir 70 peratus jemaah yang hadir adalah

golongan Gen Z.

Perkara ini bukanlah sesuatu mengejutkan bagi mereka memandangkan pihak masjid sememangnya mementingkan tiga elemen utama iaitu kualiti makanan, kelancaran ibadat dan keselesaan fasiliti.

“Ada tiga perkara yang orang cari pada bulan Ramadan ini. Pertama, juadah berbuka yang bukan sahaja banyak, malah sedap. Kedua, faktor ibadat di mana kami pastikan ‘pace’ (kelajuan) solat Tarawih memenuhi kehendak me-

reka dan selesai sekitar jam 9.50 malam.

“Ketiga adalah keselesaan tempat sembahyang yang wangi dan fasiliti yang baik membuatkan golongan muda ini selesa untuk kekal berada di masjid,” katanya.

Menurut beliau, pengisian di masjid itu juga bersifat dua hala di mana jemaah bukan sekadar datang berbuka puasa, malah turut menyertai aktiviti kuiz agama menawarkan hadiah menarik seperti payung dan kad *Touch ‘n Go*.